

Headline	MERS-CoV bukan punca jemaah umrah terkandas		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	17 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	20	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	257 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,079
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,238



# MERS-CoV bukan punca jemaah umrah terkandas

KUALA LUMPUR 16 Jun - Sebanyak 121 jemaah umrah yang terkandas di Madinah pada bulan lalu bukan disebabkan Sindrom Pernafasan Asia Barat-Virus Korona (MERS-CoV).

Pengerusi Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji), Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim berkata, dakwaan kononnya jemaah terbabit terkandas disebabkan MERS-CoV itu tidak benar sama sekali.

"Tiada kena mengena dengan MERS-CoV. Setelah saya berbincang dengan jemaah yang terkandas, mereka memberitahu tiket penerbangan yang dibeli hanya disediakan untuk sehalu.

"Malah saya telah berjumpa dengan ejen umrah tersebut di Parlimen dan mereka meminta maaf di atas kejadian ini dan pengurus agensi itu memberitahu akan berjumpa dengan kesemua jemaah terlibat selepas ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada

pemberita selepas menyerahkan kereta Proton Preve kepada Johan Qari dan Qariah Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan kali ke-57, di sini hari ini.

Abdul Azeez ditanya mengenai alasan yang diberikan sebuah agensi umrah beribu pejabat di Taiping, Perak yang cuba menjadikan MERS-CoV sebagai punca jemaah terkandas di Madinah.

Beliau bagaimanapun menasihatkan mana-mana agensi umrah supaya lebih bertanggungjawab apabila menguruskan pelanggan yang mendapatkan perkhidmatan mereka.

"Dalam konteks ini, agensi umrah tersebut harus bertanggungjawab. Mereka perlu memastikan tiket penerbangan pergi balik disediakan.

"Apabila bertanya kepada jemaah, mereka semua memberitahu sudah membayar RM3,500 kepada agensi tersebut," katanya.



**ABDUL Azeez Rahim (tengah) menyerahkan replika kunci Proton Preve kepada Johan Qari, Ahmad Tirmizi Ali sambil diperhatikan Pengarah Urusan Kumpulan Tabung Haji, Tan Sri Ismee Ismail (kanan) di Bangunan Tabung Haji, Kuala Lumpur, semalam.**